

TARIKH : 21/03/2013

MS : 20

BH M(20) 21/3/2013

SPA isi 50,000 kerja kosong

» **Ganti penjawat awam pencen**

Oleh Adnan Ibrahim
bhjb@bharian.com.my

► **Kluang**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menjangkakan lebih 50,000 kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam akan diisi sepanjang tahun ini.

Pengerusi SPA, Tan Sri Mahmood Adam, berkata ini berikutan ada kumpulan penjawat awam yang berkhidmat hingga umur 60 tahun akan bersara tahun ini.

"Berdasarkan rekod pada tahun lalu, pengambilan membabitkan 50,000 pemohon sudah dilakukan untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditinggalkan oleh penjawat awam yang berpencen.

"Pada tahun ini saya per-



Kaunter SPA diserbu sempena **Karnival Kerjaya SPA** di Sekolah Menengah Sains, Sembpong, semalam.

[FOTO ADNAN IBRAHIM/BH]

caya pengambilan akan melebihi 50,000 kerja kebanyakannya yang mereka yang dilanjutkan perkhidmatan hingga 60 tahun akan berpencen ta-

hun ini," katanya selepas sesi interaksi SPA bersama Ketua Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun, Persatuan dan Badan Bukan Kerajaan dalam

Karnival Kerjaya SPA di sini, semalam.

70,000 pemohon berdaftar

Mahmood berkata, lulusan Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian yang berminat untuk masuki perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) boleh mengisi permohonan segera untuk menduduki peperiksaan pengambilan yang akan diadakan pada 13 April nanti.

Beliau berkata, hingga kini lebih 70,000 pemohon sudah berdaftar untuk menduduki peperiksaan terbabit dan mereka yang berminat perlu mendaftar secara dalam talian melalui laman sesawang www.spa.gov.my.

"Sesi interaksi yang dilakukan adalah kali pertama dan SPA turut menjemput beberapa persatuan yang mewakili masyarakat termasuk Pertubuhan Pribumi Perkasa, Persatuan Bekas Tentera, Usahanita dan Persatuan Imam Daerah Kluang," katanya.

TARIKH : 21/03/2013**MS : 53 A****Harian Metro**

KHAMIS

21 MAC 2013

Setempat**53****A**

KAUNTER SPA jadi tumpuan belia sekitar daerah Kluang, semalam.

FOTO: ADNAN IBRAHIM

60,000 kekosongan

■ SPA jangka jawatan diisi sepanjang tahun ini

Oleh Haidhar Hilm
am@hmetro.com.my
Kluang

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menjangkakan kira-kira 60,000 kekosongan jawatan perkhidmatan awam akan diisi pemohon yang sudah membuat pendaftaran sepanjang tahun ini.

Pengerusinya Tan Sri Mahmood Adam berkata, selain perjawatan baru, hampir 40,000 kekosongan jawatan dijangka berlaku berikutan kakitangan yang pencen menolak berkhidmat sehingga umur 60 tahun.

Menurut beliau, tahun lalu, SPA berjaya mengisi hampir 50,000 kekosongan dan tahun ini, pihaknya percaya pengambilan mungkin melebihi 50,000.

"Bagaimanapun, masyarakat perlu tahu bahawa SPA hanya mempunyai tanggungjawab untuk mengisi 70 peratus kekosongan jawatan kerana bagi agensi kerajaan berkanun, Kementerian Pe-

lajaran dan kerajaan negeri seperti di Johor, mereka mempunyai suruhanjaya perkhidmatan awam sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian selepas sesi interaksi SPA bersama ketua jabatan persekutuan, badan berkanun, persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pada Karnival Kerjaya SPA di Sekolah Menengah Sains Sembong di sini, semalam.

Sementara itu, Mahmood berkata, SPA turut menggalakkan lulusan Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian untuk menduduki ujian bagi mengisi jawatan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang akan diadakan 13 April ini.

Menurut Mahmood, sehingga kini, lebih 70,000 pemohon sudah berdaftar untuk menduduki peperiksaan berkenaan dan mereka yang berminat perlu mendaftar di laman web <http://www.spa.gov.my/>.

"Bagi pemohon yang pernah gagal, mereka boleh mencuba lagi kerana peluang masih terbuka kepada siswazah," katanya.

Mengulas berkaitan sesi interaksi itu, Mahmood berkata, ia kali pertama SPA turut menjemput beberapa persatuan yang mewakili masyarakat termasuk Pertubuhan Pribumi Perkasa (PERKASA) dan Persatuan Imam Daerah Kluang.

FAKTA
Kakitangan yang pencen menolak berkhidmat sehingga umur 60 tahun

TARIKH : 21/03/2013

MS : 3 (SAMBUNGAN MUKA 1)

UM MS 3
21/3/13

SPA jangka isi 60,000 peluang pekerjaan

KLUANG 20 Mac - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menjangkakan hampir 60,000 kekosongan jawatan perkhidmatan awam bakal diisi sepanjang tahun ini.

Pengerusinya, Tan Sri Mahmood Adam berkata, selain perjawatan baharu, hampir 40,000 kekosongan jawatan dijangka berlaku berikutan kakitangan yang berpencen kerana tidak berkhidmat sehingga berusia 60 tahun.

"Tahun lalu, SPA berjaya mengisi kekosongan perjawatan sebanyak 50,000 dan tahun ini, saya percaya pengambilan akan lebih 50,000

orang kerana terdapat ramai kakitangan awam yang tidak mengambil opsyen berkhidmat sehingga usia 60 tahun.

"Bagaimanapun masyarakat perlu tahu bahawa SPA hanya mempunyai tanggungjawab untuk mengisi sebanyak 70 peratus kekosongan jawatan kerana bagi agensi kerajaan berkanun, Kementerian Pelajaran dan kerajaan negeri seperti di Johor, mereka mempunyai suruhanjaya perkhidmatan



MAHMOOD ADAM

sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas sesi interaksi SPA bersama Ketua Jabatan Persekutuan, Badan Berkannun, Persatuan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan pada Karnival Kerjaya SPA di Sekolah Menengah Sains Sembrong di sini hari ini.

Sementara itu, SPA turut menggalakkan lulusan ijazah sarjana muda dengan kepujian un-

tuk menduduki ujian bagi mengisi jawatan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang akan diadakan 13 April ini.

Mahmood berkata, sehingga kini lebih 70,000 pemohon sudah berdaftar untuk menduduki peperiksaan terbabit dengan mereka yang berminat perlu berdaftar secara talian di laman <http://www.spa.gov.my>.

"Pemohon yang pernah gagal juga diminta untuk mencuba semula kerana peluang masih terbuka kepada mereka," katanya.

Mengulas sesi interaksi tersebut,

beliau memberitahu, program itu merupakan kali pertama SPA turut menjemput beberapa persatuan yang mewakili masyarakat termasuk Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Usahanita dan Persatuan Imam Daerah Kluang.

"Sesi di Kluang hari ini merupakan jelajah kali ke-15 yang dilakukan SPA sejak Jun tahun lalu yang bertujuan mendapatkan pelbagai maklum balas terhadap perkhidmatan ditawarkan SPA terutama pelaksanaan urusan pengambilan, perkhidmatan, naik pangkat dan tatatertib," katanya.

TARIKH : 21/03/2013

MS : 01

UM 21/3/13 MS 1

SPA isi 60,000 peluang kerja tahun ini



MAHMOOD ADAM

- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menjangkakan hampir 60,000 kekosongan jawatan perkhidmatan awam bakal diisi tahun ini.
- Penggerusi SPA, Tan Sri Mahmood Adam berkata, selain perjawatan baharu, hampir 40,000 kekosongan jawatan berlaku berikutan kakitangan yang berpencen.
- Tahun lalu 50,000 kekosongan perjawatan diisi dan tahun ini pengambilan akan lebih 50,000 orang kerana ramai kakitangan awam tidak mengambil opsyen berkhidmat sehingga usia 60 tahun.
- SPA turut menggalakkan lulusan Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian untuk menduduki ujian bagi mengisi jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang akan diadakan 13 April ini.

Bagaimanapun masyarakat perlu tahu bahawa SPA hanya mempunyai tanggungjawab untuk mengisi sebanyak 70 peratus kekosongan jawatan kerana bagi agensi kerajaan berkanun, Kementerian Pelajaran dan kerajaan negeri seperti di Johor, mereka mempunyai suruhanjaya perkhidmatan sendiri.

MAHMOOD ADAM, Penggerusi SPA

BERITA PENUH DI MUKA 3